

24 JAN 2002
PENGGABUNGAN-UBG/I
UBG TUNGGU NOTA LANJUTAN TEMPOH DARIPADA BNM

KUCHING, 24 Jan (Bernama) -- Utama Banking Group, pemilik Bank Utama yang berpangkalan di Sarawak, sedang menunggu pemberitahuan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa syarikat itu diberikan lanjutan tempoh untuk kali terakhir bagi mendapatkan bank peneraju yang bersedia dan sanggup menjadi rakan kongsi kendalian bagi Bank Utama.

"Kami menjangka makluman rasmi daripada BNM dalam sehari dua lagi," kata pengurus besar (hal ehwal korporat) kumpulan Cahya Mata Sarawak Bhd (CMSB), Isaac Lugun, kepada Bernama hari ini. (CMSB memiliki kepentingan yang membolehkannya menguasai UBG.)

Lugun berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa UBG telah diberikan lanjutan tempoh selama enam bulan lagi untuk mencari rakan kongsi bagi Bank Utama dari kalangan 10 bank peneraju sedia ada di negara ini.

Pegawai CMSB itu hanya dapat menyatakan bahawa "memang ada cadangan (untuk bergabung) dan kami sedang menunggu makluman rasmi."

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, membayangkan dalam satu wawancara dengan media di Kuala Lumpur Selasa lalu bahawa Bank Utama menghadapi risiko kehilangan lesennya jika ia gagal berbuat demikian.

UBG telah mengadakan rundingan-rundingan sejak 12 bulan lalu dengan RHB Group, yang memiliki RHB Bank, iaitu bank peneraju ketiga terbesar di negara ini selepas penggabungan dalam sektor perbankan, untuk mendapatkan kepentingan majoriti dalam RHB Bank.

Kerajaan telah membuat keputusan untuk menghadkan bilangan bank peneraju kepada 10 buah, dan cadangan penggabungan itu selesai menjelang akhir tahun lalu, menjadikan Bank Utama satu-satunya bank di negara ini yang tidak mendapat taraf bank peneraju.

Pengerusi eksekutif RHB, Tan Sri Rashid Hussain, pemegang saham terbesar tunggal dalam RHB, telah membuat tawaran untuk menjual keseluruhan kepentingannya sebanyak 23.9 peratus pada harga RM6 sesaham kepada UBG yang juga berminat untuk mengambil alih 22.7 peratus kepentingan dalam RHB daripada Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

Menurut laporan berita baru-baru ini, keseluruhan janji niaga ini (jika diteruskan) akan memerlukan UBG mengeluarkan kos sejumlah kira-kira RM1.8 bilion, iaitu harga yang dirasakan terlalu tinggi oleh sebilangan pemegang saham dalam CMSB meskipun bagi kepentingan majoriti dalam RHB Bank.

Jika rundingan penggabungan RHB-Utama itu gagal menjadi kenyataan, UBG hanya boleh mendapatkan Alliance Bank untuk memenuhi kata dua kerajaan itu.

Tetapi, persoalannya ialah sama ada pemegang-pemegang saham Alliance Bank sekarang akan membenarkan UBG mengambil alih operasi bank tersebut.

Tahun lalu, Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Dr George Chan berkata, Sarawak ingin mengendalikan Bank Utama sebagai bank peneraju. -- BERNAMA

SCC MKO SEL KY AA